

MASALAH TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN KANAK-KANAK TADIKA

Zaleha Damanhuri¹
Mariani Md Nor²
Nik Nur Syazwani Ibrahim¹
Aziyati Zahirah Asnil Aimi¹
Kolej Universiti Islam Melaka¹
SEGI University²

Corresponding Author's Email: zalehadamanhuri@kuim.edu.my

Article History:

Received : 5 October 2021
Accepted : 18 October 2021
Published : 30 December 2021

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkaitan masalah tingkah laku kanak-kanak tadika. Tujuan kajian adalah untuk melihat masalah tingkah laku kanak-kanak mengikut domain iaitu (i) berpusatkan diri sendiri (Do1), (ii) masalah perhatian (Do2) dan (iii) anti sosial (Do3), (iv) menarik diri dari bersosial (Do4) dan (v) kebimbangan/masalah tubuh badan (Do5). Masalah tingkah laku kanak-kanak juga dinilai melalui domain masalah *externalizing* dan masalah *internalizing*. Masalah tingkah laku (masalah *externalizing*) melibatkan tiga (3) domain iaitu (i) berpusatkan diri sendiri (Do1), (ii) masalah perhatian (Do2) dan (iii) anti sosial (Do3). Manakala masalah tingkah laku (masalah *internalizing*) melibatkan dua (2) domain iaitu (i) menarik diri dari bersosial (Do4) dan (ii) kebimbangan/masalah tubuh badan (Do5). Kajian ini melibatkan seramai 373 orang kanak-kanak berusia 5 tahun dan 6 tahun dari 18 buah tadika swasta dengan melibatkan 71 orang guru di daerah Melaka Tengah, Melaka. Data diperoleh melalui soal selidik yang diadaptasi daripada *Preschools Kindergarten Behaviour Scales* (PKBS). Data kanak-kanak diperoleh melalui guru yang telah mengajar kanak-kanak melebihi enam bulan ke atas bagi mendapatkan maklumat masalah tingkah laku kanak-kanak dengan mengisi Bahagian C iaitu tentang profil guru dan kanak-kanak serta Bahagian D adaptasi PKBS. Analisis data menggunakan program SPSS 24.0 dengan kaedah deskriptif dan inferens (Khi Kuasa Dua). Hasil kajian mendapati masalah tingkah laku kanak-kanak tadika bagi domain berpusatkan diri sendiri (Do1) mempunyai min tertinggi iaitu 1.65 dan sisihan piawai adalah 0.58 diikuti domain masalah perhatian (Do2) dengan skor min ialah 1.63 dan sisihan piawai 0.58 seterusnya domain kebimbangan/masalah tubuh badan (Do5) dengan skor min ialah 1.60 dan sisihan piawai 0.52, diikuti domain anti sosial (Do3) dan paling rendah skor min ialah 1.40 dan sisihan piawai 0.51. Keputusan juga menunjukkan masalah tingkah laku aspek masalah *externalizing* adalah memiliki skor min paling tinggi iaitu 1.58 dan sisihan piawai 0.56 berbanding aspek masalah *internalizing* dengan skor min terendah 1.34 dan sisihan piawai 0.48. Keputusan turut menunjukkan bahawa faktor peribadi iaitu umur dan jantina tidak ada kaitan dengan gejala masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak tadika. Secara keseluruhannya masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak Tadika di Melaka Tengah berada dalam keadaan baik dan terkawal.

Kata Kunci: Masalah tingkah laku kanak-kanak, Domain, *Externalizing*, *Internalizing*, Faktor peribadi

BEHAVIOURAL PROBLEMS AMONG KINDERGARTEN CHILDREN

Abstract

This study is a problem of behavioral among Kindergarten children. The purpose of the study was to look at children's behavioral problems according domains (i) self-centered (Do1), (ii) attention problems (Do2) and (iii) anti-social (Do3), (iv) withdrawing from socializing (Do4) and (v) body concerns / problems (Do5). Aspect behavioral problems among children (Externalizing problems) and (Internalizing problems). Behavioral problems among children (Externalizing problems) include of three (3) domains which is (i) self -centered (Do1), (ii) attention problems (Do2) and (iii) anti-social (Do3). While behavioral problems (internalization problems) are include two (2) domains that (i) withdraw from socializing (Do4) and (ii) anxiety / body problems (Do5). This study showed a total of 373 children aged 5-year-old and 6-year-old from 18 private kindergartens with 71 teachers in the district of Melaka Tengah, Melaka. Data were obtained through a questionnaire adapted from the Preschool Kindergarten Behavior Scale (PKBS). Child data obtained through teachers who have taught children six months and above to obtain information on children's behavior problems with Part C on the profile of teachers and children as well as Part D adaptation of PKBS. Data analysis using SPSS 24.0 program with descriptive and inferential methods (Chi Square). The results of the study of kindergarten children's behavioral problems for the self-centered domain (Do1) had a minimum mean of 1.65 and the standard deviation was 0.58 time attention problem domain (Do2) with a mean score of 1.63 and a standard deviation of 0.58 anxiety / problem domain next body (Do5) with a mean score of 1.60 and standard deviation of 0.52, anti -social domain (Do3) and the lowest mean score of 1.40 and standard deviation of 0.51. The results also show that the behavioral problem of the external problem problem has the highest mean score of 1.58 and standard deviation of 0.56 aspects of the internal problem problem with a mean score of 1.34 and standard deviation of 0.48. The results also showed that personal factors which is age and gender were not related to the problem of behavioral among kindergarten children. Overall, the behavioral problems in Kindergarten children in Central Melaka are in good condition and under control.

Keywords: *Child Behavior Problems, Domain, Externalizing, Internalizing, Personal factor*

Pengenalan

Peranan ibu bapa adalah sangat penting untuk mencorakkan pembentukan tingkah laku kanak-kanak tadika. Kanak-kanak tadika yang mempunyai kemahiran sosialisasi yang baik mudah diterima dalam kalangan rakan sebaya. Kecekapan sosial yang dimiliki oleh kanak-kanak tadika akan mendorong ke arah kecemerlangan akademik mereka. Menurut teori permodelan sosial oleh Albert Bandura menyatakan bahawa ibu bapa adalah *role model* kepada tingkah laku anak-anak yang mana proses peniruan berlaku melalui empat proses iaitu (i) perhatian, (ii) mengingat, (iii) reproduksi dan (iv) penegasan (Asmawati *et. al.*, 2015).

Masalah tingkah laku turut dikaitkan dengan masalah kompetensi sosial yang mana kanak-kanak sukar membina jaringan sosial secara positif dan sukar diterima dalam kalangan rakan-rakan. Berdasarkan Suziyani (2014) masalah tingkah laku kanak-kanak tadika merupakan ramalan kompetensi sosial di sekolah rendah. Kanak-kanak yang tidak mempunyai kompetensi sosial yang sesuai usia tadika akan kurang interaksi bersama guru, kurang disukai oleh rakan sebaya dan kurang berminat untuk ke sekolah (Thompson dan Raikes, 2007). Justeru, kajian lanjut berkaitan isu ini harus diteliti dengan baik agar dapat mengekang dan mengurangkan gejala masalah sosial pada masa hadapan.

Pernyataan Masalah

Para ibu bapa yang kurang mengambil berat aspek kemahiran sosial seperti kebolehan bergaul dan menyesuaikan diri (*adaptation*), kebolehan berbahasa atau kemahiran berkomunikasi, mempunyai kestabilan emosi, dan kemahiran aktiviti motor serta fizikal yang sangat diperlukan bagi mencapai perkembangan yang holistik. Menurut Zaharah (2015), kanak-kanak tadika menunjukkan masalah tingkah laku yang berterusan mempunyai risiko kegagalan dalam akademik dan sosial yang boleh berlanjutan hingga ke peringkat dewasa. Semakin ramai kanak-kanak menunjukkan masalah tingkah laku, maka adalah perlu untuk melaksanakan amalan yang berteraskan penyelidikan bagi mengekang isu ini dari terus berlanjutan dan sekali gus merugikan produktiviti negara (Carter dan Norman, 2010). Masalah tingkah laku terjadi disebabkan oleh berlaku penolakan sosial (*social rejection*) dalam kalangan rakan sebaya (Saturia Amiruddin, 2015). Hal ini disebabkan oleh kurangnya kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak yang tidak mempunyai sosioemosi yang stabil.

Tuntasnya anak-anak menjadikan ibu bapa sebagai *role model* dan contoh ikutan mereka untuk bertingkah laku (Haliza dan Joy Nesamalar Samuel, 2016). Peranan ibu bapa adalah untuk memberi panduan dan tunjuk ajar kepada anak-anak cara bertingkah laku yang sebaiknya menurut tatacara kehidupan yang diterima oleh norma masyarakat, (Femmi Nurmalitasari, 2015). Masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak ada perkaitan dengan kes salah laku yang berisiko tinggi seperti penyalahgunaan dadah, aktiviti jenayah, bunuh diri yang kian meningkat serta turut dikaitkan dengan peningkatan statistik masalah kesihatan mental menjelang tahun 2020. Tahap pendidikan ibu bapa dan status sosial ekonomi mempunyai hubungan bersifat resiprokal secara dua hala ke arah pembentukan masalah tingkah laku dalam kalangan anak-anak (Zarinah dan Rozumah, 2011; Berk, 2012; Berk, 2017). Justeru tinjauan mengenai status masalah tingkah laku kanak-kanak adalah perlu untuk mengetahui keadaan semasa masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak.

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti frekuensi masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak mengikut domain:
 - a) Berpusatkan diri sendiri (Do1)
 - b) Masalah perhatian (Do2)
 - c) Masalah anti sosial (Do3)
 - d) Menarik diri dari bersosial (Do4)
 - e) Kebimbangan masalah tubuh badam (Do5)
- ii. Mengenal pasti frekuensi masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak tadika mengikut:
 - a) Masalah *Externalizing*,
 - b) Masalah *Internalizing*,
- iii. Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara faktor personal kanak-kanak dengan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak tadika?
 - a) Jantina
 - b) Umur

Soalan Kajian

- i. Apakah frekuensi masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak mengikut domain:
 - a) Berpusatkan diri sendiri (Do1)
 - b) Masalah perhatian (Do2)

- c) Masalah anti sosial (Do3)
 - d) Menarik diri dari bersosial (Do4)
 - e) Kebimbangan masalah tubuh badan (Do5)
- ii. Apakah frekuensi masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak tadika mengikut:
- a) Masalah *Externalizing*
 - b) Masalah *Internalizing*
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor personal kanak-kanak dengan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak tadika?
- a) Jantina
 - b) Umur

Sorotan Literatur

Sesuatu tingkah laku itu dianggap bermasalah apabila ia mendatangkan ketidakselesaan kepada individu lain. Menurut *American Psychiatric Association* (APA) tingkah laku negatif yang mengakibatkan ketidakfungsian seseorang di dalam sesebuah komuniti atau lingkungan tertentu dianggap sebagai tingkah laku bermasalah. Hal ini melibatkan tindak balas fisiologi iaitu gabungan aktiviti fizikal, aktiviti otak dan tindak balas emosi terhadap sebarang bentuk rangsangan yang mengakibatkan anggota badan dan otak menjadi tegang. Menurut Erin, Rodriguez, Cappella, Morris dan McClowry (2012), masalah tingkah laku tertentu boleh dilihat secara nyata (*overt behaviour*) kerana hasil tindak balas dalaman dan luaran.

Walau bagaimanapun, kanak-kanak yang pintar dan cerdas perlu melakukan penyesuaian diri supaya boleh diterima oleh rakan sebaya di sekolah (Saturia Amiruddin *et al.*, 2015); Johari 2017). Masalah tingkah laku ini berlaku apabila kanak-kanak gagal melaksanakan penyesuaian diri, sehinggakan mereka mengalami *social rejection* (penolakan sosial) dalam kalangan rakan sebaya (Yoleri, 2014; Saturia Amiruddin *et al.*, 2015). Sekiranya kanak-kanak sukar menerima perubahan dan tidak mampu mengikuti penyesuaian ini merupakan petanda kepada permulaan masalah tingkah laku (Yoleri, 2014, Saturia Amiruddin *et al.*, 2015). Kanak-kanak yang cenderung untuk mempunyai masalah emosi, tingkah laku, sosial, dan akademik akan keciciran di sekolah dan tergolong dalam kalangan kanak-kanak bermasalah tingkah laku (Saturia Amiruddin *et al.*, 2015; Azizi, 2015).

Masalah penyesuaian di peringkat kanak-kanak ialah isu yang penting (Saturia Amiruddin, *et al.*, 2015). Kanak-kanak yang gagal peringkat penyesuaian akan mempunyai masalah tingkah laku yang serius. Oleh yang demikian, masalah tingkah laku seperti membuli, ketidakpatuhan, berbohong, bermusuhan, agresif, hiperaktif, tumpuan singkat dan mengganggu orang lain berlaku kerana proses penyesuaian gagal dilalui dengan sempurna (Yoleri, 2014; Saturia Amiruddin *et al.*, 2015). Kajian penyesuaian ini selari dengan dapatan kajian oleh Lycett, Sciberras, Mensah dan Hiscock, (2014) dan Moser, Emily, Patrick dan Schmidt, (2014), begitu juga kajian oleh Dougherty, Bufferd, Carlson, Dyson, Olino, Durbin, dan Klein, (2011). Isu masalah tingkah laku kanak-kanak sama ada lelaki dan perempuan dapat diketahui seawal usia dua tahun berdasarkan kajian oleh Shaw, Hyde dan Brennan, (2012).

Kajian Luar Negara

Gejala masalah tingkah laku kanak-kanak perlu di atasi di peringkat usia awal kanak-kanak. Jika dibiarkan berlarutan sehingga remaja berisiko mengundang masalah yang lebih serius seperti gejala laku musnah, seks bebas, penagihan dadah, keganasan, keciciran sekolah, jenayah berat dan sebagainya (Suziyani, 2014). Keseimbangan sosioemosi akan membantu mengurangkan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak. Ketersediaan kanak-kanak ke sekolah menjadi petunjuk

bahawa mereka mempunyai perkembangan sosioemosi yang baik sekali gus membantu mereka menghindarkan diri daripada terjebak masalah tingkah laku (Margetts, 2015).

Kemahiran sosial yang baik membantu kanak-kanak membina hubungan persahabatan dengan rakan sebaya (Posner dan Rothbart, 2007). Apabila mereka boleh berkomunikasi dengan baik, maka interaksi ketika proses pembelajaran akan berjalan dengan baik dan lancar (Santrock, 2015). Kanak-kanak mudah faham apa yang diajar oleh guru dan boleh bertanya apa yang tidak difahami serta dapat berbincang bersama rakan-rakan. Keadaan akan mengelakkan kanak-kanak daripada keciciran di sekolah (Berk, 2018).

Masalah tingkah laku seperti membuli, bergaduh, agresif, kurang tumpuan dan hiperaktif akan menyebabkan kanak-kanak ini dipulaukan oleh rakan sebaya. Hal ini menyebabkan rakan sebaya sukar membina hubungan dengan kanak-kanak bermasalah tingkah laku (Bayer *et al.*, 2012). Mereka dianggap menyusahkan dan sering mengganggu rakan-rakan yang ingin belajar. Mereka akan dilabelkan sebagai nakal dan jahat, hal ini akan membentuk konsep sendiri mereka sehingga dewasa (Dougherty *et al.*, 2011).

Kajian Dalam Negara

Kanak-kanak yang lemah kemahiran sosial memberi impak ke atas pengalaman dan persediaan mereka ke sekolah. Kanak-kanak yang dipinggirkan oleh rakan sebaya kerana bertingkah laku yang mengganggu, membuli, agresif, hiperaktif, kurang tumpuan dan sebagainya (Saturia Amiruddin *et al.*, 2015). Selain itu, ketidakstabilan sosioemosi juga merupakan salah satu faktor kanak-kanak tidak mempunyai ramai kawan. Mereka sukar untuk berkomunikasi, mempamerkan emosi yang tidak konsisten dan sukar difahami oleh rakan sebaya. Mempamerkan bahasa isyarat bukan lisan yang janggal dan agak kasar berbanding kanak-kanak lain yang seusia (Zanariah dan Kamarul Shukri, 2016).

Menurut Wirawani dan Pang Zhi Siew (2015), kanak-kanak yang menjadi mangsa buli berpotensi untuk menjadi pembuli. Tekanan yang dihadapi oleh mangsa buli menjadi *defense mechanism* agar tidak selamanya menjadi mangsa buli (Azizi, 2015; Siti Noor dan Fauziah, 2013). Hal ini menyebabkan kanak-kanak terjebak kepada masalah tingkah laku dan sukar mengubahnya. Hal ini akan menyebabkan masalah keciciran sekolah dan menyumbang kepada berlakunya masalah sosial yang serius (Saturia Amiruddin *et al.*, 2015; Azizi 2015).

Menurut Yudhistiani (2016), Tingkah laku sosial adalah tingkah laku sosial yang berkaitan dengan nilai-nilai sosial seperti adab, bersikap sopan, mematuhi peraturan baik di sekolah, dalam masyarakat, dan dalam kalangan ahli keluarga (Oktaviyanti, *et al.*, 2016). Menilai tingkah laku sosial yang berkaitan dengan adab, budi bahasa dan mematuhi peraturan, itu dapat dilihat dalam tingkah laku kanak-kanak. Menurut M. Rahmad, (2016) berpendapat bahawa terdapat empat faktor utama yang dapat membentuk tingkah laku sosial seseorang, termasuk yang berikut (i) kelakuan dan ciri-ciri orang lain, (ii) proses Kognitif, (iii) faktor Alam Sekitar dan (iv) latar belakang budaya sebagai tempat pemikiran dan tingkah laku sosial berlaku. Kanak-kanak yang dididik seperti ini akan kurang membawa masalah tingkah laku di sekolah dan sekali gus mempunyai potensi yang tinggi untuk cemerlang dalam akademik (Piping Perlina dan Nurhafizah., 2020).

Tanda-tanda awal gejala masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak di peringkat awal usia merupakan titik perkembangan yang optimum bagi guru-guru prasekolah agar lebih peka dan prihatin (Saturia Amiruddin *et al.*, 2015). Hal ini adalah penting kerana, masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak prasekolah perlu diberikan intervensi yang sesuai agar dapat membantu kanak-kanak agar lebih efektif dalam berinteraksi dengan guru-guru serta rakan-rakan di sekolah (Zaharah, 2015). Justeru, kajian berbentuk tinjauan dapat membantu para guru dan pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang masalah yang berlaku di sesuatu institusi (Ghazali, *et. al.*, 2015).

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian tinjauan digunakan bagi melihat frekuensi masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak tadika berdasarkan lima domain yang ingin dikaji. Bagi mendapatkan data, instrumen kajian yang digunakan adalah *Preschool and Kindergarten Behaviour Scales* (PKBS) yang terdiri daripada 42 item. Kajian ini mengumpul data secara rawak mudah dengan mengedarkan soal selidik kepada 18 Tadika swasta yang telah dipilih dan bersetuju untuk turut serta dalam kajian ini yang telah melibatkan seramai 373 orang kanak-kanak tadika berusia lingkungan 5 dan 6 tahun untuk dinilai dan 71 orang guru sebagai penilai. Instrumen kajian yang digunakan telah diadaptasi daripada Zaharah Osman (2015). Soal selidik menggunakan skala *likert* empat mata untuk mengukur masalah tingkah laku kanak-kanak tadika. Interpretasi skor min adalah merujuk kepada cadangan yang dikemukakan oleh Sullivan (2011) pada jadual 1:

Jadual 1.1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 – 1.50	Tidak Pernah
1.51 – 2.50	Jarang-jarang
2.51 – 3.50	Kadang-kadang
3.51 – 4.00	Selalu

Sumber: Sullivan (2011)

Kebolehpercayaan alat ujian dapat dibuktikan dengan melihat nilai *Alpha Cronbach* soal selidik *Preschool and Kindergarten Behaviour Scales* (PKBS) yang digunakan seperti di sebelah. Berikut dipamerkan nilai *Alpha Cronbach* kajian rintis dan kajian sebenar seperti dalam jadual 2.

Jadual 1.2: Kebolehpercayaan Alat Ujian PKBS

Soal Selidik/Domain	Jumlah Item	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	
		Ujian Rintis	Kajian Sebenar
<i>Preschool and Kindergarten Behaviour Scales</i> (PKBS)	42	0.940	0.932
a) Berpusatkan diri sendiri (Do1)	11	0.888	0.840
b) Masalah perhatian atau terlalu aktif (Do2)	8	0.861	0.800
c) Antisosial/agresif (Do3)	8	0.740	0.700
d) Menarik diri dari bersosial (Do4)	7	0.679	0.767
e) Kebimbangan atau masalah tubuh badan (Do5)	8	0.694	0.707

Sumber: Halberstadt (1986), Merrel (1994) dan Zaharah Osman (2015)

Berikut merupakan maklumat berkaitan dengan kategori setiap domain masalah tingkah laku dibahagikan kepada dua iaitu masalah *externalizing* dan *internalizing* seperti di jadual 3 di bawah:

Jadual 1.3: Jadual Penerangan Domain PKBS

Domain PKBS		Domain Masalah
D1	Berpusatkan diri sendiri	Masalah <i>Externalizing</i>
D2	Masalah perhatian/terlalu aktif	
D3	Antisosial/agresif	
D4	Menarik diri dari bersosial	Masalah <i>Internalizing</i>
D5	Masalah kebimbangan	

Dapatan Kajian

Persoalan 1: Frekuensi Masalah Tingkah Laku dalam Kalangan Kanak-kanak Mengikut Domain

Berdasarkan pada hasil analisis frekuensi masalah tingkah laku kanak-kanak mengikut domain, menunjukkan domain (Do1) memperoleh nilai skor min pada tahap tinggi manakala domain (Do4) memperoleh skor min paling rendah. Dapatan ini secara keseluruhannya menunjukkan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak tadika berada pada paras normal dan tidak berbahaya. Domain (Do1) mempunyai skor min sebanyak 1.65, domain (Do2) memperoleh skor min sebanyak 1.63, domain (Do3) memperoleh skor min sebanyak 1.43, domain (Do4) memperoleh 1.40 skor min dan domain (Do5) memperoleh 1.60 skor min. Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan analisis pada Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Skor Min Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak Bagi Setiap Domain

	Domain									
	Do1		Do2		Do3		Do4		Do5	
Masalah Tingkah Laku	Min	S.D	Min	S.D	Min	S.D	Min	S.D	Min	S.D
	1.65	.58	1.63	.58	1.43	.54	1.40	.51	1.60	.52

Persoalan 2: Frekuensi Masalah Tingkah Laku (*externalizing* dan *internalizing*) Kanak-kanak

Berdasarkan pada hasil analisis frekuensi Masalah Tingkah Laku kanak-kanak dinilai daripada aspek (i) masalah *externalizing* dan (ii) *internalizing*. Skor nilai min tertinggi adalah daripada aspek masalah *externalizing* iaitu sebanyak 1.53. Manakala, skor min daripada aspek *internalizing* ialah sebanyak 1.34. Yang mana domain iaitu (i) berpusatkan diri sendiri (Do1), (ii) masalah perhatian (Do2) dan (iii) anti sosial (Do3) merupakan aspek masalah *externalizing*. Manakala (iv) menarik diri dari bersosial (Do4) dan (v) kebimbangan/masalah tubuh badan (Do5) merupakan aspek *internalizing*. Dapatan ini secara keseluruhannya menunjukkan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak tadika berada pada paras normal dan tidak berbahaya. Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan analisis pada Jadual 5.

Jadual 2.2: Skor Min Masalah Tingkah Laku (*Externalizing* dan *Internalizing*) Kanak-kanak

Masalah Tingkah Laku	<i>Externalizing</i>		<i>Internalizing</i>	
	Min	S.D	Min	S.D
	1.58	.56	1.34	.48

Persoalan 3:

a) Perkaitan antara Faktor Personal Kanak-kanak dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak

Analisis ujian *Chi-Square* digunakan untuk menganalisis perkaitan antara faktor personal iaitu jantina kanak-kanak terhadap masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak Tadika. Menurut Cohen (1988) untuk menentukan kekuatan perlu melihat pada nilai ujian Phi dan Cramer's V. Yang mana nilai 0.1 adalah rendah, .09 adalah sederhana dan .25 adalah tinggi (Othman Talib, 2016). Masalah tingkah laku kanak-kanak lelaki (n=201) dan kanak-kanak perempuan (n=175) yang telah melibatkan diri dalam kajian ini ditunjukkan dalam jadual 2.3.

Jadual 2.3: Jadual Crosstabulation Jantina dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak

Jantina	Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak				Total (N)
	Tiada Pernah	Jarang-jarang	Kadang-kadang	Selalu	
Lelaki	96	99	6	0	201 (100%)
Perempuan	82	91	2	0	175 (100%)
Total	178 (47.3%)	190 (50.5%)	8 (2.1%)	0 (0%)	376 (100%)

Nilai Khi Kuasa Dua (χ^2) = 1.648, $p > .05$

Jadual 6 menunjukkan analisis Nilai Khi Kuasa Dua (χ^2)=1.648, $df=1$, $N=376$, $p>.05$. Ujian Phi dan Cramer's V yang berperanan untuk menguji kekuatan hubungan dengan nilai .066. Ini merupakan kekuatan yang sederhana yang mana selari dengan pandangan Cohen (1988) dalam Othman Taib, (2016).

Jadual 2.4: Jadual analisis Khi Kuasa Dua Jantina dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak

Jantina	Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak				Nilai χ^2	Sig.
	Tiada Masalah		Bermasalah			
	N	%	N	%		
Lelaki	195	97.01	6	2.99	1.648	.439
Perempuan	173	86.07	2	13.93		

Jadual 7 menunjukkan tidak terdapat hubungan antara $\chi^2=1.648$, $p=.439$. Hal ini bermakna antara jantina kanak-kanak lelaki dan perempuan tiada kaitan dengan masalah tingkah laku yang akan ditonjolkan oleh kanak-kanak. Ini dapat dijelaskan lagi dengan menyatakan bahawa kanak-kanak lelaki tidak berbeza dengan kanak-kanak perempuan dari sudut mempamerkan masalah tingkah laku. Hasil analisis menunjukkan bahawa hipotesis nul iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara

jantina kanak-kanak dengan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak diterima dan hipotesis alternatif ditolak.

Persoalan 4:

Umur Kanak-kanak dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak

Jadual 8 menunjukkan masalah tingkah laku kanak-kanak berumur 5 tahun (n=185) dan kanak-kanak 6 tahun (n=191) yang telah melibatkan diri dalam kajian ini.

Jadual 2.5: Jadual Crosstabulation Umur dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak

Umur	Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak (PKBS-Total)				Total
	Tiada Masalah	Masalah-Kecil	Masalah Sederhana	Masalah Ketara/Signifikan	
5 Tahun	88	92	5	0	185 (49.2%)
6 Tahun	90	98	3	0	191 (50.8%)
Total	178 (47.3%)	190 (50.5%)	8 (2.1%)	0 (0%)	376 (100%)

Nilai Khi Kuasa Dua (χ^2)=0.616, $p>.05$

Dalam Jadual 2.5 menunjukkan analisis Nilai Khi Kuasa Dua (χ^2)=0.616, $df=1$, $N=376$. Ujian Phi dan Cramer's V yang berperanan untuk menguji kekuatan hubungan dengan nilai .040. Ini merupakan kekuatan yang rendah yang mana selari dengan pandangan Cohen (1988) di dalam Othman Taib, (2016).

Jadual 2.6: Jadual analisis Khi Kuasa Dua Jantina dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak

Umur	Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak (PKBS Total)					
	Tiada Masalah		Bermasalah		Nilai (χ^2)	Sig.
	N	%	N	%		
5 Tahun	180	97.30	5	2.70	.616	.735
6 Tahun	188	98.40	3	1.60		

Jadual 2.6 di atas menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara umur kanak-kanak dengan masalah tingkah laku kanak-kanak yang mana nilai $\chi^2=0.616$, $p=.735$. Ini bermakna antara kanak-kanak yang berumur 5 tahun dan 6 tahun tiada kaitan dengan masalah tingkah laku yang akan ditonjolkan oleh kanak-kanak. Ini dapat dijelaskan lagi dengan menyatakan bahawa kanak-kanak 5 tahun tidak berbeza dengan kanak-kanak 6 tahun dari sudut mempamerkan masalah tingkah laku. Hasil analisis menunjukkan bahawa hipotesis nul iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara umur kanak-kanak dengan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak diterima dan hipotesis alternatif ditolak.

Perbincangan

Masalah tingkah laku yang sering dikaitkan dengan kanak-kanak berdasarkan kajian-kajian lalu ialah hiperaktif, daya tumpuan singkat, membuli, mengganggu orang lain, ketidakpatuhan, bercakap bohong, dan permusuhan-agresif (Jewsuwan, Luster dan Kostelnik, 1993; Klein, 1982; 1991). Kajian-kajian selepas tahun 2010 juga masih menemukan masalah penyesuaian tingkah laku luaran yang sama (Moser, Emily, Patrick dan Schmidt, 2014; Dougherty, Bufferd, Carlson, Dyson, Olino, Durbin dan Klein, 2011).

Kebanyakan penyelidik mendapati bahawa kanak-kanak Tadika yang menonjolkan masalah tingkah laku akan dipulaukan dan tidak diterima dalam kalangan rakan sebaya. Kekurangan kemahiran sosial yang baik merupakan salah satu sebab mengapa mereka dipinggirkan. Ketidakstabilan emosi antara sebab rakan sebaya takut untuk berkawan. Kajian oleh Zanariah dan Kamarul Shukri (2016) selari dengan kajian terdahulu Siti Noor dan Fauziah (2013) yang menemui kemahiran sosial dan kestabilan emosi dalam kalangan kanak-kanak adalah sangat penting bagi membina hubungan dengan rakan sebaya.

Masalah tingkah laku yang lebih parah seperti membuli, agresif dan mengganggu pelajar lain perlu dipandang serius terutamanya ketika peringkat prasekolah (Saturia Amiruddin *et al.*, 2015; Sohail *et al.*, 2012). Petanda awal masalah tingkah laku peringkat kanak-kanak adalah dengan menunjukkan kecenderungan masalah emosi, masalah sosial dan keciciran akademik (Saturia Amiruddin *et al.*, 2015; Azizi, 2017). Menurut Wirawani dan Pang Zhi Siew (2015), pengalaman dibuli akan mengakibatkan mangsa berpotensi menjadi agresif, tertekan dan sentiasa cemas dari semasa ke semasa. Menurut Zamzani (2016) faktor personal seperti umur, jantina akan memberi pengaruh ke atas tingkah laku. Namun tidak semua faktor tersebut akan menjadi penyebab gejala masalah tingkah laku. Ini kerana faktor persekitaran lebih memberi kesan yang dominan.

Kesimpulan

Penyelidikan ini hanya berfokuskan kepada kanak-kanak yang berusia 5 dan 6 tahun sahaja. Penyelidikan ini tidak boleh digeneralisasikan terhadap keseluruhan tadika, tetapi sebaliknya hanya ke atas tadika swasta di Melaka Tengah sahaja. Kajian ini tidak melibatkan prasekolah kerajaan, tadika swasta di bawah Jabatan Agama Islam Melaka atau mana-mana tadika seperti di bawah KEMAS dan Jabatan Perpaduan Negara. Penyelidik hanya melibatkan tadika swasta yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Rasional penyelidik mengambil hanya tadika swasta kerana ingin melihat status SES keluarga yang memberi kesan terhadap dapatan kajian ini. Selain itu juga, penyelidik ingin menghindari sampel daripada golongan B40 dan penerima BR1M yang mana semestinya mempunyai tahap pendapatan yang *homogeny* iaitu hampir sama sahaja. Menerusi kajian penyelidik ingin menilai sejauh mana masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak mengikut domain. Melihat masalah tingkah laku kanak-kanak daripada aspek masalah externalizing dan aspek masalah internalizing dan akhir sekali melihat perkaitan faktor personal iaitu jantina dan umur dalam kalangan kanak-kanak Tadika dengan masalah tingkah laku kanak-kanak.

Bibliografi

- American Psychological Association, APA, and A.P.A. Publication Manual of the American Psychological Association. 6th ed. Washington, DC: American Psychological Association, (2010).
- Asmawati Desa, Getrude Cosmas, Mariny Abdul Ghani, Siti Rozaina Kamsani, Noor Azniza Ishak, Nabisah Ibrahim dan Mohd Maksan Musa, (2015). *Pengantar Psikologi* (Edisi-1), Selangor: SJ Learning.

- Azizi Yahya (2015). *Tingkah Laku Remaja Berisiko Berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Carter D. R., and Van Norman, R. K. (2010). Class-Wide Positive Behavior Support in Preschool: Improving Teacher Implementation Through Consultation. *Journal Early Childhood Education* Vol. 38:279-288.
- Dougherty, L. R., Bufferd, S. J., Carlson, G. A., Dyson, M., Olino, T. M., Durbin, C. E., and Klein, D. N. (2011). Preschoolers' observed temperament and psychiatric disorders assessed with a parent diagnostic interview. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*. Vol. 40(2):295-306.
- Femmi Nurmalitasari, (2015). Perkembangan Sosial Emosi pada Anak Usia Prasekolah, *Buletin Psikologi, Fakultas Psikologi Universitas Gadjah Mada*, Vol. 23(2):103-111.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2018), *Penyelidikan dalam Pendidikan: Kaedah dan Amalan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Haliza Hamzah dan Joy Nesamalar Samuel, (2016). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku: Siri Pendidikan Guru*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mat, Zanariah Teh dan Kamarul Shukri (2017). Frekuensi Penyesuaian Tingkah Laku Kanak-kanak Tadika Yayasan Islam Terengganu. Attarbawiy. *Malaysian Online Journal of Education*. Vol. 1:36-44.
- Merrell W. K., (1994). *Test Manual: Preschool and Kondergarten Behavior Scales*, United State of America. Clinical Psychology Publishing Company, Inc.
- Moser, J. S., Durbin, C. E., Patrick, C. J., and Schmidt, N. B. (2015). Combining Neutral and behavioral indicators in the assessment of internalizing psychopathology in children and adolescents. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*. Vol. 44(2):329-340.
- Norhaleyza Mohd Hairul Quah (2011), Harapan Ibu Bapa Terhadap Anak Bermasalah Pembelajaran, Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana. Atas talian: <http://www.fp.utm.my/epusatsummer/pdfail/ptkghdfwp2/.pdf>. Diperolehi pada 6 Mei 2016.
- Noriah Mohd. Ishak, Shahrudin Ahmad, Kadderi Md. Desa dan Rozlina Tan Abdullah, (2008). Kepintaran Emosi Sebagai Faktor Peramal Pencapaian Akademik Pelajar IPTA: Implikasi Terhadap Kebolehpasaran, *Jurnal Personalia Pelajar Bil.* 11 Jun/June, 1-28.
- Piping Perlina, dan Nurhafizah. (2020). *Pengembangan Perilaku Sosial Anak dalam Aspek Kerjasama di Taman Kanak-kanak*. Jurnal Pendidikan Tambusai. Jilid 4(3): 3071-3082. <https://doi.org/10.31004/jptam.v4i3.812>
- Saturia bt Amiruddin, Agnis Sombuling, Peter Voo Sui Kiong (2014), Penilaian Kesediaan Ke Sekolah Kanak-Kanak Dan Pengaruhnya Terhadap Penyesuaian di Sekolah, Seminar Kebangsaan, Integriti Keluarga (11 Disember 2014).
- Suziyani Mohamad, (2014). *Adaptasi Silang Budaya ASQ:SE di Malaysia, (Tesis Ph. D)*. Fakulti Pendidikan: Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaharah Osman, (2015). *Kebolehlaksanaan Modul Kompetensi Sosioemosi untuk Murid Prasekolah, (Tesis Ph. D)*. Fakulti Pendidikan: Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia,.
- Zaharah Osman, (2015). The Effect of Implementation Social Emotional Competence Module on Preschool Children Social Skills. *EDUCATUM Journal of Social Sciences (EJoSS)*, Vol. 1(1): 75-82. Diperolehi daripada <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/EJOSS/article/view/86>
- Zubir, N. M., Johari, K. S. K., Mahmud, Z., Ab Razak, N. H., dan Johan, S. (2018). Cabaran Aplikasi Modul Terapi Filial dalam Kalangan Ibu bagi Menangani Isu Tingkah Laku Kanak-kanak (Challenges in the Application of Filial Therapy Module among Mothers to Overcome Children's Behaviour Problems). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, Vol. 43:21-30.